

## **Pusat Sukan UMP tawar program rekreasi berkonsepkan ABC**



Gopeng (Perak), 26 Mac- Dalam usaha membangunkan individu ke arah kecemerlangan diri, kerjaya dan organisasi dengan menyeimbangkan jati diri, mental, kerohanian dan kecergasan fizikal menggunakan alam sebagai medium pembelajaran, Unit Rekreasi Pusat Sukan & Kebudayaan (PSK), Universiti Malaysia PAhang (UMP) menawarkan program "Adventure Based Challenge (ABC) – Team Building" kepada warga universiti ini.

Menurut Pengarah Pusat Sukan dan kebudayaan, Abd. Rahman Hj. Safie berkata, kepelbagaiannya aktiviti dapat dijalankan bersesuaian untuk aktiviti-aktiviti rekreasi. Program melibatkan elemen cabaran dalam pelaksanaan aktiviti. Program tiga hari dua malam ini dirangka untuk kesepaduan kumpulan dan keyakinan diri di samping menekankan eleman keselamatan dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan.

"PSK menjalinkan kerjasama dengan Eco Ad Consultant untuk menganjurkan program ini. Eco Ad Consultant adalah sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti dalam penganjuran program-program rekreasi luar, konsultansi sukan & rekreasi. Syarikat ini sangat berpengalaman luas dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti berisiko tinggi dengan adanya kepakaran jurulatih yang bertauliah," katanya.



Selain itu modul ABS yang digunakan dalam program ini direka khas oleh ahli akademik universiti awam yang telah lama berkecimpung di dalam bidang rekreasi. Penggunaan modul ini amat bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai atas permintaan pihak yang menggunakan perkhidmatan.

Baru-baru ini, seramai 76 orang staf yang melibatkan staf akademik dan staf sokongan dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) mengadakan program sedemikian dengan mengadakan aktiviti lasak seperti menyelusuri Sg.Itek dengan menaiki bot getah (white water rafting), menuruni air terjun menggunakan tali (waterfall abseiling), meneroka gua (caving exploration) dan aktiviti membina kesepadan kumpulan (team building). Walaupun mempunyai risiko yang tinggi dalam melakukan aktiviti ini namun hampir semua peserta berjaya melukukannya dengan bimbingan dan tunjuk ajar daripada jurulatih berpengalaman dari Eco Ad Consultant.



Dekan FTeK, Professor Dato' Dr. Zularisam Ab. Wahid berkata, dengan adanya program seperti ini dapat membentuk keyakinan dalam diri peserta dan paling penting adalah untuk membentuk kesepaduan dalam kalangan peserta yang mana elemen ini penting untuk sesuatu organisasi. Beliau juga berhasrat untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti seperti ini pada masa akan datang dengan mensasarkan lebih ramai penyertaan.

Manakala peserta program, Mohd Anuar Ramli yang juga Ketua Teknikal di fakulti ini berpendapat banyak memberi input yang positif dalam diri berjaya diterapkan dalam suasana pekerjaan. Selain itu, penglibatan peserta dalam program sebegini merupakan satu pengalaman berharga buat mereka kerana program seperti ini agak berbeza dari segi suasana dan pengisiannya yang agak mencabar.

Lebih menarik lokasi ini merupakan kawasan atau destinasi yang amat popular bagi penggemar aktiviti rekreasi air dan darat di Semenanjung Malaysia terutamanya Sungai Gopeng, Gua Tempurung atau Gua Kandu, bukit-bukau dan air terjun. Bagi pihak yang berminat bolehlah menghubungi Unit Rekreasi di Pusat Sukan & Kebudayaan, Universiti Malaysia Pahang di talian 09-5493224.

**Disediakan oleh Nor Juhaida Basri dari Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat**

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 13-04-2017, 15:15:24